



“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Ruj. Tuan :

Ruj . Kami : (10) dlm .JAI.Sel
BKP/02/010/05

Tarikh : 13 Januari 2010
27 Muharram 1431

SEPERTI EDARAN

Tuan,

**ARAHAN TETAP PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
BIL 1/2010 - GARIS PANDUAN BAGI BAYARAN ELAUN LEBIH MASA**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bersama ini disertakan arahan di atas untuk dimaklumkan kepada pegawai-pegawai di bawah kawalan tuan untuk dipatuhi.
3. Tarikh berkuatkuasa arahan di atas adalah pada 1 Januari 2010.
4. Sehubungan dengan itu, Arahan Tetap Pengarah JAIS BIL. 6/2009 dan BIL. 9/2009 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)

Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor.

**ARAHAN TETAP PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

PEKELILING BIL 1/2010

**GARIS PANDUAN BAGI BAYARAN ELAUN LEBIH MASA
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Bahagian dan Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah berkenaan garis panduan ke atas kawalan perbelanjaan bagi bayaran Elaun Lebih Masa .

2. PERATURAN YANG PERLU DIPATUHI

- 2.1 Bayaran bagi tuntutan Elaun Lebih Masa adalah tertakluk kepada peruntukan tahunan yang telah ditetapkan bagi setiap Bahagian di bawah Objek Sebagai (OS) 14000.
- 2.2 Semua Ketua Bahagian dan Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah dikehendaki untuk mengkaji semula arahan kerja lebih masa sedia ada bagi menyesuaikan keperluan kerja tersebut dan peruntukan sedia ada Jabatan, serta membuat perancangan dan pemantauan teliti mulai dari awal tahun.
- 2.3 Bagi kakitangan yang bekerja secara giliran atau pusingan, maka bayaran kerja lebih masa hendaklah berdasarkan jadual waktu bekerja yang telah ditetapkan. Jika hari bekerja biasa ditetapkan dari hari Selasa hingga hari Ahad, maka kerja lebih masa yang dijalankan pada hari Selasa hingga hari Ahad itu hendaklah dibayar bayaran lebih masa atas kadar hari bekerja biasa.
- 2.4 Bagi urusetia majlis rasmi Jabatan, tuntutan kerja lebih masa tidak boleh melebihi tempoh 5 jam bagi setiap majlis, manakala bagi juruaudio visual, tuntutan kerja lebih masa boleh dibuat bagi tempoh maksimum 8 jam untuk setiap majlis yang dikendalikan.

- 2.5 Sekiranya peruntukan tidak mencukupi, cuti gantian boleh diberikan dan kakitangan hendaklah mempunyai 9 jam waktu bekerja lebih masa bagi melayakkan diberi satu hari cuti gantian.
- 2.6 Sebelum mendapat kelulusan bagi peruntukan tambahan di bawah OS14000 iaitu semasa *Mid-Term Budget Review* bersama Pegawai Kewangan Negeri, semua tuntutan kerja lebih masa yang melebihi daripada 1/3 gaji pokok disarankan untuk digantikan dengan cuti gantian.
- 2.7 Semua tuntutan bayaran yang melebihi 1/3 daripada gaji pokok juga perlu mendapatkan tandatangan Ketua Jabatan sebelum dikemukakan kepada Unit Kewangan untuk tujuan semakan dan bayaran.
- 2.8 Jabatan ini tidak akan mempertimbangkan sebarang bayaran elaun lebih masa sekiranya peruntukan Jabatan bagi tujuan tersebut tidak mencukupi dan didapati Bahagian atau Pejabat berkenaan gagal untuk merancang dengan baik jadual bertugas serta tuntutan lebih masa kakitangan.

3. PEMAKAIAN

- 3.1 Arahan Tetap Bil 1/2010 ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010.



**(S.S. DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)
PENGARAH,
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**